

12/02/1998

Peneraju IT berbincang di Cyberjaya

Wan Sabariah Shikh Ali

PENERAJU industri teknologi maklumat (IT) akan bergabung minda di Cyberjaya selama dua hari mulai hari ini bagi membincangkan beberapa isu global yang muncul hasil kemajuan teknologi multimedia yang melangkaui sempadan negara.

Pemain utama industri itu membentuk anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) yang akan bermesyuarat dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata perjumpaan IAP adalah contoh cemerlang perkongsian kerajaan dan industri.

"Panel ini mengandungi antara minda terbaik dalam IT dan multimedia."

"Oleh itu, buah fikiran mereka mengenai beberapa isu global yang berbangkit daripada kepantasan perkembangan industri ini serta kemunculan ekonomi digital amat diperlukan," katanya dalam satu kenyataan dari Cyberjaya, semalam.

Isu yang akan dibincangkan termasuk berkaitan perdagangan elektronik (E-commerce), mengharmonikan undang-undang siber antarabangsa, pembangunan piawaian teknikal dan kewujudan platform bagi intra-operasi serta kesan Internet terhadap masyarakat.

"Dalam usaha mengawal selia pembangunan komuniti elektronik serta pertumbuhan MSC, adalah penting bagi kita menangani isu ini bersama-sama industri," katanya.

Peneraju IT seperti Ketua Eksekutif Microsoft, Bill Gates, Presiden IBM, Louis Gerstner dan Scott McNealy dari Sun Microsystems antara anggota panel ini.

Bagaimanapun, Gates yang dihantui masalah perundangan di Amerika tidak akan menghadiri mesyuarat kali ini.

Pertemuan itu adalah yang kedua selepas mesyuarat pertama IAP di Stanford University, California tahun lalu yang menyaksikan lebih 20 pesaing dalam industri IT membincangkan isu mewujudkan persekitaran multimedia yang ideal.

Seramai 13 anggota IAP serta 12 lagi yang mewakili anggota yang tidak dapat hadir akan berkumpul di tapak MDC di Cyberjaya.

Antara yang hadir ialah Ketua Eksekutif Acer, Dr Stan Shih; Presiden Ericsson, Dr Lars Ramqvist; Ketua Eksekutif Motorola, Gary Tooker dan Pengerusi Silicon Graphics, Bob Bishop.

Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan perasmian pada mesyuarat tertutup itu.

Empat syarikat berstatus MSC akan menyampaikan taklimat mengenai operasi mereka pada mesyuarat itu.

(END)